



JABATAN HUTAN SARAWAK
NOTIS SEBUT HARGA KERJA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempohnya serta mempunyai Sijil UPKJ.

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Gred, Kategori dan Pengkhususan	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga	Tarikh/Masa/Tempat Taklimat Dan Lawatan Tapak
FD/Q/32/2024(F)	Kerja Pembinaan Tapak Semaian Dan Fasiliti Lain Di Bakam FR, Miri	i. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G2 ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) iii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) iv. Sijil UPKJ	Tarikh Tutup: 30/07/2024 (Selasa) Waktu: 12.00 tengahari	16 Julai 2024 (Selasa) Dan 17 Julai 2024 (Rabu) Jam 9.30 pagi Tapak Semaian Bakam Forest Reserve, Miri

2. Kontraktor yang berminat menyertai Sebut Harga ini adalah **dijemput untuk menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak (Taklimat Hanya Akan Diadakan Sekali Sahaja)**. Kontraktor dihendaki untuk berkumpul di **Tapak Semaian Bakam Forest Reserve, Miri** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
3. **Lawatan Tapak adalah diwajibkan**. Hanya penama di dalam Sijil Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakili individu lain selain daripadapenama yang dibenarkan.
4. Borang Sebut Harga boleh diperolehi semasa lawatan tapak pada **16 Julai 2024 (Selasa)** dan **17 Julai 2024 (Rabu)**. Pihak Kontraktor dikehendaki untuk membawa **SIJIL ASAL** berserta **SALINAN Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang masih sah tempohnya serta mempunyai Sijil UPKJ** dan membawa **cop syarikat** semasa mendapatkan Borang Sebut Harga sewaktu lawatan tapak.
5. Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul berlakri dengan rapi dan di atasnya hendaklah bertulis dengan tajuk sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat tertera di bawah tidak lewat daripada jam **12.00 tengah hari** pada **30 Julai 2024 (Selasa)**.

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Pejabat Hutan Wilayah Miri
Menara 3, Lot 3512, Jalan Miri Pujut
Kompleks Islam Sarawak
98000 Miri

6. Borang Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Jawatankuasa sebut harga tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga yang terendah dan borang yang tidak lengkap serta tidak mematuhi syarat akan ditolak.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

[DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD]
Pengarah Hutan
SARAWAK